

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH :

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keadaan kualiti udara di kawasan Manjung yang dikhuatiri tercemar akibat pembangunan yang pesat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Status kualiti udara di kawasan Manjung pada 1 Januari hingga 30 April 2015 masih berada pada tahap baik dan sederhana. Manakala pada tahun 2014, secara keseluruhannya status kualiti udara di kawasan tersebut berada pada tahap baik iaitu bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) berada di bawah paras IPU 50 pada kebanyakan masa.

Melalui pemantauan kualiti udara secara berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), agensi di bawah Kementerian ini, pada 2014 kawasan di Manjung, Perak didapati bilangan hari yang mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik di kawasan Manjung adalah sebanyak 230 hari berbanding sebanyak 251 hari yang dicatatkan pada tahun 2013 iaitu terdapat pengurangan sebanyak 8.3 %. Punca pengurangan ini pada tahun 2014 adalah disebabkan pencemar habuk halus PM₁₀ (*particulate matter with less than 10 micron in diameter*) dari kebakaran terbuka dalam negara pada bulan Mac 2014 dan terdapat juga episod jerebu merentas sempadan dari Sumatera, Indonesia semasa musim monsun barat daya (Jun hingga

September). Sehubungan itu, pengurangan bilangan hari yang mencatatkan kualiti udara pada tahap baik di Manjung, Perak **bukan** **disebabkan oleh pembangunan pesat di kawasan tersebut.**

Sekian, terima kasih.